



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Kualiti dan
Pembangunan
Ilmu



LAPORAN
TAHUNAN
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU

2019



<https://inqka.uitm.edu.my/main>



<https://www.facebook.com/inqka>



LAPORAN
TAHUNAN
INSTITUT KUALITI & PENGEMBANGAN ILMU

2019



ISSN 2600 - 9528



Penasihat

YBhg. Profesor Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Penolong Naib Canselor InQKA

Penulis

Prof. Madya. Dr. Nik Rosli Abdullah, Pengarah SKKO
Prof. Madya. Dr. Azizah Abdullah, Pengarah IQA
Ir. Dr. Amirul Abd Rashid, Ketua Pencapaian & Penarafan
Dr. Nor Hanisah Mohd Hashim, Ketua Inovasi & Kreativiti
Dr. Rasidah Hamid, Ketua Komunikasi & Pengembangan Ilmu
Sr. Dr. Norazian Mohamad Yusuwan, Koordinator Pencapaian & Penarafan
Dr. Norhafezah Kasmuri, Koordinator Inovasi & Kreativiti
Puan Siti Norul' Ain Mohd Azizi, Ketua Pentadbiran
Puan Noor Azmah Zuber, Penolong Pendaffar SKKO
Puan Hairina Ahmad Bakri, Pegawai Eksekutif (AKNC)
Puan Nur Ayuni Salim, Pegawai Eksekutif (IQA)

Pereka Grafik

Puan Noor Sazila Md Scrip, Penolong Pegawai Penerbitan
Encik Muhamad Zanjabil Mat Janum, Pembantu Penerbitan

Foto

Encik M. Tuah Samsudin, Pembantu Penerbitan Kanan

KANDUNGAN

Bab 1	Pendahuluan	7
Bab 2	Aktiviti Kualiti	7
Bab 3	Sistem Kualiti Universiti	10
Bab 4	Kecemerlangan Operasi	10
Bab 5	Penarafan Universiti	12
5.1	Pencapaian Penarafan.....	12
5.2	Penyertaan Di Persidangan Antarabangsa.....	13
Bab 6	Jaminan Kualiti Dalam (IQA)	15
6.1	Akreditasi Program.....	15
6.2	Program <i>Deemed Accredited</i>	16
6.3	Audit Susulan Swaakreditasi UiTM.....	16
6.4	Penilaian Kendiri (COPIA).....	16
6.5	Lawatan Penandaarasan Jaminan Kualiti Dalam.....	16
Bab 7	Inovasi dan Kreativiti	22
7.1	Pencapaian Utama KIK UiTM.....	22
7.2	Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM).....	25
7.3	KIK Peringkat IPTA.....	26
7.4	Konvensyen KIK Peringkat Zon UiTM.....	26
7.5	Konvensyen KIK Peringkat UiTM.....	27
Bab 8	Penilaian Kecemerlangan	31
8.1	Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC).....	32
Bab 9	Penutup	34

BAB 1 PENDAHULUAN

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) bertanggungjawab ke atas perihal kualiti di Universiti Teknologi MARA. Sebagai pusat pengurusan kualiti, InQKA mengurus serta menjadi pemangkin kepada aktiviti berkaitan kualiti yang dijalankan bukan sahaja di peringkat kampus induk dan fakulti di Shah Alam, waima di peringkat cawangan serta kampus-kampus satelitnya, demi memastikan kepatuhan keseluruhan universiti kepada i) *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)*, ii) *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)*, iii) ketetapan badan-badan profesional serta iv) keperluan ISO 9001.


Meneruskan legasi jaminan kualiti, InQKA kekal bertindak sebagai penyelaras utama atau sekretariat universiti bagi urusan audit Pensijilan ISO 9001:2015 di peringkat korporat oleh badan pensijilan LRQA; menyelaras urusan penganugerahan kualiti di peringkat universiti iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), di samping meneruskan lain-lain *portfolio* berkaitan kualiti. Dengan status Swa Akreditasi yang diperolehi dalam tahun 2017, InQKA juga berfungsi sebagai mini MQA. Semua urusan berkaitan akreditasi dan penyenaraian program akademik di Malaysia Qualifications Agency (MQA) diselaraskan oleh Unit Jaminan Kualiti Dalamam (IQA), InQKA.

Penambahbaikan proses di peringkat operasi bagi seluruh sistem UiTM melalui projek *Operational Excellence (OE)* dan meningkatkan reputasi UiTM menerusi inisiatif Penarafan Universiti (QS dan THE) masih diteruskan bagi memastikan UiTM lebih tampak megah di peringkat universiti dan antarabangsa. Rentetan daripada penstrukturan semula UiTM, Unit Web Media telah dipindahkan daripada InQKA ke Jabatan Komunikasi Korporat UiTM bermula 1 Ogos 2019.

BAB 2 AKTIVITI KUALITI

Sepanjang tahun 2019 sebanyak 157 aktiviti berbentuk bengkel/latihan/taklimat telah diadakan yang telah di manfaatkan oleh seramai 3,275 orang warga UiTM dari pelbagai peringkat. Program-program yang telah diadakan merentasi kesemua fungsi utama InQKA iaitu sistem kualiti dan kecemerlangan operasi, jaminan kualiti dalamam, inovasi dan kreativiti, penarafan universiti, pengembangan ilmu, pengurusan web media universiti dan kecemerlangan kualiti di jabatan masing-masing.






Rajah 2.1: Bilangan Peserta Program Anjuran InQKA

InQKA telah menganjurkan Konvensyen Panel Kualiti UiTM pada 12 Februari hingga 14 Februari 2019. Konvensyen ini telah mendapat kerjasama daripada semua pihak seperti panel Penilaian Luar (ER), Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK), Panel Penilai Program Akademik, Sistem Pengurusan Kualiti dan Kecemerlangan Operasi serta Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC). Konvensyen Panel Kualiti UiTM juga berjaya mencapai objektif pengembangan ilmu berkaitan penilaian kualiti akademik, pengurusan sistem kualiti, proses dan inovasi.

Pada tanggal 14 November 2019, bersempena Hari Kualiti Sedunia, InQKA telah menganjurkan Forum Pembudayaan Kualiti. Konvensyen Panel Kualiti UiTM diadakan dengan tujuan penambahbaikan proses kerja kualiti beserta berkongsi ilmu antara panel kualiti mengikut kepakaran. Sebagai contoh, IQA telah menjemput pemegang taruh berkaitan akreditasi program akademik, di mana panel penilai program akademik dapat berinteraksi dengan Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK), wakil MQA dan panel penilai yang diiktiraf MQA. Forum ini telah mendapat sambutan dari pelbagai peringkat "quality players". Panel forum yang dilantik merangkumi

mereka yang aktif di dalam penarafan, penilaian luar, penilaian akreditasi program akademik, panel penilai Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) dan juga kecemerlangan serta kreativiti dan inovasi. Kehadiran ini menggambarkan komitmen yang tinggi dari pelbagai pihak. Sambutan Hari Kualiti Sedunia berjaya mencapai objektif apabila program tersebut mendapat komitmen tinggi pelbagai pihak dan disamping itu, forum ini juga berjaya menerapkan budaya pengurusan kualiti secara berterusan.

InQKA juga sangat peka terhadap penambahbaikan setiap program yang dianjurkan. Untuk itu, kajian selidik terhadap keberkesanan program dilaksanakan bagi menilai sejauh mana kekuatan dan kelemahan sesuatu program. Carta di bawah menunjukkan dapatan kajian yang telah dijalankan.



Carta 2.2: Customer Satisfaction 2019

Selain dari aktiviti yang melibatkan warga UiTM, InQKA juga semakin dirujuk oleh agensi serta institusi pengajian tinggi lain melalui lawatan penandaarasan. Sepanjang tahun 2019 InQKA telah menerima lawatan penandaarasan seperti yang tertera di Jadual 1.

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Lawatan Penandaarasan oleh Bahagian Jaminan Kualiti Akademik, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)	9 Disember 2019
2.	<i>Visit of International Quality Assurance Officers (MQA Internship)</i>	28 Ogos 2019
3.	Lawatan Penanda Aras dari Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti	11 Mac 2019

Jadual 2.3: Senarai Lawatan/ Penandaarasan ke InQKA

BAB 3 SISTEM KUALITI UNIVERSITI

Sistem Kualiti Universiti diteruskan pada tahun ini dengan *Surveillance Audit* Bil. 4 & 5 oleh pihak Lloyd's Register yang telah diadakan pada 15 dan 16 Januari 2019 dibawah skop Pengurusan Korporat Universiti Awam manakala *Certificate Renewal Audit*, ISO 9001:2015 telah dilaksanakan oleh pihak Lloyd's Register pada 1 - 2 Julai 2019. Pihak Lloyd's telah merumuskan bahawa Sistem Pengurusan Kualiti UiTM telah matang dan UiTM diluluskan untuk pembaharuan sijil ISO bagi tempoh 3 tahun berkuat kuasa Ogos 2019.

Pada tahun 2019, InQKA secara berterusan menjalankan kursus yang berkaitan pengukuhan dan penambahbaikan sistem pengurusan kualiti. Sebanyak 3 siri Kursus Kecemerlangan Operasi telah dijalankan dan dihadiri seramai 148 orang peserta. Berfokuskan kepada pengurusan risiko, Kursus *Risk Based Thinking* telah dijalankan dan seramai 43 orang peserta telah hadir. InQKA juga telah menggiatkan aktiviti ke arah pelaksanaan *Integrated Quality Management System (iQMS)*. Justeru, sebanyak dua (2) siri latihan iQMS dianjurkan oleh pihak InQKA yang melibatkan seramai 100 orang Ketua Sistem Audit dan Auditor Dalaman fakulti dan kampus. Pada 29 hingga 31 Oktober 2019, pihak InQKA telah mengadakan Bengkel Pengukuhan Penilaian Luar iQMS khusus kepada panel penilai UiTM akan akan melaksanakan Audit iQMS Kitaran 5 bermula pada Mac 2020.

BAB 4 KECEMERLANGAN OPERASI

InQKA telah dipertanggungjawabkan sebagai peneraju dan pemantau operasi, proses kerja dan aktiviti setiap PTJ supaya lebih tepat, berkesan dan menjimatkan. Bagi memastikan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di seluruh sistem UiTM membuat penambahbaikan proses sedia ada, inisiatif Kecemerlangan Operasi dimulakan pada Jun 2016 dan masih dilaksanakan sehingga kini dengan pertambahan terhadap jumlah proses kerja yang

didaftarkan dan ditambahbaik. Pada tahun 2019 sebanyak 285 proses baharu didaftarkan dan sebanyak 113 telah ditambahbaik.

Penggunaan sistem OPIR diperluaskan dengan penambahan menu bagi membolehkan PTJ mengemaskini dan memasukkan maklumat penjimatan yang diperolehi berserta bukti (*evidences*) hasil penambahbaikan proses dilaksanakan. Di samping itu, modul penilaian proses kerja oleh Panel Penilai OE turut dibangunkan. Selaras dengan penambahbaikan sistem *Online Process Improvement Register* (OPIR), seramai 45 orang *OE Trainer* telah menjalani latihan penggunaan sistem tersebut yang akan membantu PTJ merekodkan penambahbaikan proses yang dilaksanakan.

Bagi menilai keberkesanan proses kerja yang ditambahbaik, Bengkel Penilaian Proses Kerja telah diadakan pada 4 dan 5 Disember 2019 melibatkan seramai 6 (enam) orang panel penilai. Sebanyak 16 proses disenarai pendek dan telah melalui peringkat seterusnya iaitu Sesi Pembentangan Finalis OE yang diadakan pada 20 Disember 2019. Proses yang menunjukkan kadar penjimatan yang memberangsangkan dan memberi impak yang besar terhadap pengurusan UiTM akan dibawa kepada Naib Canselor UiTM untuk dibuat penilaian akhir dan pemilihan proses yang layak menerima Anugerah Kecemerlangan Operasi 2019 yang akan diumumkan semasa Simposium Kecemerlangan Operasi pada 4 Februari 2020.



Gambar 4.1: Bengkel Penilaian Proses Kerja



Gambar 4.2: Sesi Pembentangan Finalis OE

BAB 5 PENARAFAN UNIVERSITI

InQKA merupakan bahagian yang diberi mandat untuk mengurus kompilasi data dari beberapa jabatan penting untuk dikemaskini, dimuat naik, dilapor dan dipantau pencapaian keputusan penarafan universiti oleh badan-badan penarafan. Badan-badan penarafan yang dimaksudkan adalah penarafan QS (*QS World University Ranking*, *QS Asian University Ranking*, *QS Graduate Employability Ranking* dan *QS World University Ranking by Subject*), penarafan *Times Higher Education* (*THE World University Ranking* dan *THE World University Ranking by Subject*), dan penarafan SETARA.

Tahun 2019, menyaksikan UiTM buat pertama kalinya telah menyertai *UI Green Metric Ranking*, satu penarafan peringkat antarabangsa yang semakin mendapat perhatian dari pusat pengajian tinggi (*Institute of High Learning – IHL*) dari seluruh dunia yang membuat pengukuran khusus terhadap perancangan dan komitmen universiti terhadap agenda kelestarian. Disamping itu juga, tahun ini turut menjadi tahun pertama penglibatan UiTM di dalam penarafan *THE University Impact Ranking* yang mengambil kira penglibatan universiti dalam 17 bidang *Sustainable Development Goal* (SDG).

Penarafan universiti ini juga adalah merupakan salah satu *Headline KPI* untuk semua universiti seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia. Bagi mencapai tujuan ini, Projek Transformasi UiTM (Trans4U) – Penarafan Universiti telah mensasarkan kedudukan UiTM untuk setiap badan penarafan sehingga tahun 2020. Pihak InQKA juga bertanggungjawab membantu Pusat-pusat Tanggungjawab untuk membina strategi bagi mencapai sasaran tersebut.

BAB 5.1 PENCAPAIAN PENARAFAN

Pencapaian penarafan untuk tahun 2019 secara keseluruhannya telah menunjukkan peningkatan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Untuk *QS World University Ranking* (WUR), UiTM telah memperbaiki kedudukan dari 751-800 kepada 651-700 manakala untuk *QS Asia University Ranking* (AUR), UiTM telah mencatatkan peningkatan sebanyak 18 anak tangga ke kedudukan 119 dari kedudukan 137 pada tahun sebelumnya. Keputusan *UI Green Metric* juga menunjukkan prestasi yang amat membanggakan apabila UiTM telah tersenarai pada kedudukan 183 dari keseluruhan 780 penyertaan dari institusi pengajian tinggi seluruh dunia

RANKINGS	2019	2018	2017	2016	2015
QS World University Ranking	651 - 700	751 - 800	751+	701+	701+
QS Asia University Ranking	119	137	158	181	191 - 200
QS Graduate Employability Ranking	301 - 500	301 - 500	301 - 500	-	-
QS by Subject	-	9 Subjects	12 Subjects	13 Subjects	5 Subjects
THE World University Ranking	1001+	1001+	-	800+	601 - 800
THE by Subject	8 Subjects	8 Subjects	-	-	-
UI Green Metric	187	-	-	-	-
SETARA	-	-	5 STAR	-	-

Rajah 5.1: Pencapaian Penarafan UiTM bagi Tahun 2019

Sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan ketampakan (*visibility*) UiTM di persada *global*, unit penarafan turut menggalakkan setiap fakulti melalui *Ranking Champion* yang dilantik untuk melaporkan sebarang pencapaian, aktiviti mahupun jalinan usaha sama yang dilaksanakan untuk diterbitkan ke dalam portal QS *WOW News*. Sepanjang tahun 2019 secara keseluruhannya sebanyak 88 artikel dari UiTM telah diterbitkan dan sebanyak 10 berjaya terpilih sebagai '*Editor's Pick*'.

BAB 5.2 PENYERTAAN DI PERSIDANGAN ANTARABANGSA

Bermula dari tahun 2016, pihak InQKA telah mula menyertai persidangan, seminar serta majlis anjuran badan penarafan seperti QS bertujuan untuk mempelajari dan memahami dengan lebih mendalam bagaimana proses penarafan yang mengalami evolusi dari setahun ke setahun dijalankan. Selain daripada itu, fokus penyertaan juga adalah untuk meningkatkan *visibility* UiTM serta membuka peluang kolaborasi dengan lain-lain universiti di dunia, yang mana secara tidak langsung membantu meningkatkan kedudukan penarafan UiTM.


Bagi tahun 2019 secara keseluruhannya pihak InQKA telah menghantar penyertaan ke enam (6)

persidangan anjuran QS Asia iaitu, *QS Worldwide*, *QS in Conversation*, *QS Subject Focus Summit*, *QS Edu Data Summit*, *QS APPLE* dan *QS Re-Imagine Education*. Pada 15th *QS Apple Conference and Exhibition* (QS-APPLE) yang diadakan di *Fukuoka International Congress Centre*, Jepun dari 26 hingga 28 November 2019, UiTM telah menghantar seramai enam (6) orang delegasi yang diketuai oleh Datuk Naib Canselor sendiri yang turut membentangkan kertas kerja bertajuk "*Strategies for Enhancing Research Capacity and Capability: The Case of Universiti Teknologi MARA* (UiTM) pada persidangan tersebut.

Selain daripada terlibat dengan pameran sepanjang program, UiTM juga turut menghantar penyertaan untuk lima (5) kategori dalam pertandingan *Creative Awards* iaitu kategori; i) *Best International Print Advertisement*; ii) *Most Creative Corporate Institution Video* iii) *Best International Student Recruitment Brochure* iv) *Best International Website Page* dan v) *Most Creative Exhibition Booth*. Buat julung kalinya untuk tahun 2019 UiTM telah berjaya meraih anugerah gangsa bagi kategori *Most Creative Corporate Institution Video*.



Gambar 5.2.1: Anugerah Gangsa bagi *Most Creative Institution Awards* di *QS Apple 2019 Creative Awards*



Gambar 5.2.2: Sekitar *QS Apple 2019*

BAB 6 JAMINAN KUALITI DALAMAN (IQA)

Pada tahun 2019 IQA meneruskan lagi proses pengiktirafan yang berkaitan iaitu Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh, *Deemed Accreditation* dan Semakan Kurikulum. IQA juga menguruskan Audit Penilaian Luar di Fakulti dan Kampus Cawangan UiTM.

BAB 6.1 AKREDITASI PROGRAM

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 12 Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) telah dijalankan. Mesyuarat meneliti laporan penilaian program yang dibentangkan oleh panel penilai akreditasi, merangkumi isu berkaitan akreditasi, penyenaian dan penambahan lokasi sesuatu program. JKPPP juga bertanggungjawab untuk mengesyorkan tahap pengiktirafan untuk diperakukan oleh Senat. Lampiran 1 menunjukkan senarai program yang telah dibentangkan sepanjang tahun 2019 di Mesyuarat JKPPP. Ringkasannya adalah seperti berikut.

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	Program yang telah dibawa ke MQA untuk penyenaian di MQR	35
2.	Program yang telah dibentang dalam Senat Disember 2019 dan Januari 2020 (belum dibawa ke MQA untuk penyenaian di MQR)	16
3.	Program yang telah ditolak oleh MQA (nama program tidak sama seperti yang didaftarkan di KPT)	1*
4.	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan	3
5.	Pertambahan lokasi dalam proses ke JPT oleh pihak UHEK	2
6.	Program memenuhi keperluan kualiti (CQC) oleh MQA	2
7.	Dikenalpasti sebagai Program Profesional oleh MQA	1

BIL	PERKARA	JUMLAH
8.	Tidak diberi akreditasi sementara oleh Mesyuarat JKPPP Ke-21 Bil. 7/2019	1
9.	Akreditasi Semula	4

*Program telah dimajukan kepada pihak Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) untuk dibetulkan nama program di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

BAB 6.2 PROGRAM DEEMED ACCREDITED

Penilaian Program Deemed Accredited melibatkan 161 program dan 615 lokasi. Permohonan penyenaian Program Deemed Accredited yang telah dibawa ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sehingga Disember 2019 adalah sebanyak 568 lokasi (2018:137, 2019: 431). Baki 47 lokasi tidak dapat dikemukakan kepada pihak MQA kerana nama lokasi yang didaftarkan di Kementerian Pengajian Tinggi tidak sama seperti yang disenaraikan di dalam Pekeliling Naib Canselor Bil 8 Tahun 2016 (Penggunaan Nama Kampus Cawangan Universiti Teknologi MARA).

BAB 6.3 AUDIT SUSULAN SWAAKREDITASI UiTM

Tahun 2019 merupakan tahun ketiga UiTM berstatus Swaakreditasi. Pihak MQA telah mengadakan Audit Susulan Swaakreditasi pada 20 – 21 Jun 2019. Keputusan Audit Susulan telah diterima melalui emel pada 19 September 2019 yang menyatakan UiTM telah mematuhi sepenuhnya syarat – syarat umum perakuan status swaakreditasi. Lampiran 3 : Surat Keputusan Audit Susulan Swaakreditasi

BAB 6.4 PENILAIAN KENDIRI

Penilaian Luar (External Review) InQKA kini berada dalam Kitaran 4. Kitaran 4 dijalankan dalam jangkamasa 5 semester. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 9 pusat akademik telah dinilai. Jadual Penilaian Luar Kitaran 4 (2019) adalah seperti dalam Lampiran 2.

BAB 6.5 LAWATAN PENANDAARASAN JAMINAN KUALITI DALAMAN

Pihak IQA telah menerima lawatan penandaarasan dari Bahagian Jaminan Kualiti Akademik, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), International Quality Assurance Officers (MQA Internship) dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Pihak IQA juga telah membuat lawatan penandaarasan ke

Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor pada 8 Julai 2019 dan Universiti Teknologi Malaysia (UTMSPACE) pada 12 September 2019. Lawatan ini banyak mendapat pendedahan berkaitan pengendalian akreditasi program akademik secara persisir. Kemudiannya, Bahagian Pengurusan Kualiti dan Alumni UTMSPACE telah membuat kunjungan balas ke UiTM pada 24 September 2019 untuk bertemu Unit IQA, Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) dan Research Management Centre (RMC).

Lampiran 1 – Senarai nama Program Yang Telah Dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan (JKPPP) Tahun 2019

BIL	BIL. PROGRAM	PERKARA	NAMA PROGRAM
1.	35	Program yang telah dibawa ke MQA untuk penyenaiaan di MQR	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sarjana Sains Kejuruteraan Mekanikal 2. Asasi Kejuruteraan 3. Asasi Undang-undang 4. Asasi Undang-undang KPTM 5. Asasi Sains 6. Sarjana Sains dalam Sains dan Teknologi Makanan 7. Asasi TESL 8. Sarjana Muda Pendidikan (Kepujian) Pengurusan Pendidikan 9. Sarjana Pengajian Islam Kontemporari (Kerja Kursus) 10. Sarjana Sains Pengurusan Rekod dan Dokumen 11. Diploma Produksi Audio Digital 12. Sarjana Sains Data 13. Sarjana Sains Komputer (Teknologi Web) 14. Sarjana Muda Pengkomputeran Mudah Alih (Kepujian) 15. Doktor Falsafah Rekabentuk dan Alam Bina 16. Diploma Pengurusan Hartanah 17. Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Hartanah 18. Sarjana Sains dalam Pendidikan Matematik 19. Sarjana Perakauan Pengurusan Strategik 20. Sarjana Pengimejan Perubatan

BIL	BIL. PROGRAM	PERKARA	NAMA PROGRAM
			21. Sarjana Fisioterapi (Muskulosketel) 22. Sarjana Pemulihan Cara Kerja (Kecacatan Perkembangan) 23. Sarjana Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran 24. Doktor Falsafah Perubatan 25. Diploma Eksekutif Bahasa Arab Komunikasi Profesional 26. Diploma Eksekutif Bahasa Mandarin Komunikasi Profesional 27. Sarjana Pengurusan Sumber Manusia 28. Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Keusahawanan 29. Sarjana Sains Kejuruteraan Instrumensi dan Kawalan 30. Diploma Eksekutif Pengurusan Pengangkutan dan Penguatkuasaan 31. Sarjana Sains Informatik Molekul 32. Sarjana Muda Sains (Kepujian) Eko Teknologi 33. Sarjana Sains Keselamatan Siber dan Forensik Digital 34. Sarjana Muzik Persembahan 35. Sarjana Industri Budaya dan Kreatif
2.	16	Program yang telah dibentangkan dalam Senat di Disember 2019 dan Januari 2020	1. Sarjana Muda Seni Reka Gerak Kreatif (Kepujian) 2. Diploma Animasi 3. Diploma Penulisan Skrip 4. Sarjana Muda Penulisan (Kepujian) Penulisan Kreatif 5. Sarjana Muda Penulisan (Kepujian) Penulisan Skrin 6. Sarjana Sistem Maklumat Strategik dengan Pengurusan Perniagaan 7. Sarjana Sistem Maklumat (Sistem Pintar) 8. Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Pembinaan

BIL	BIL. PROGRAM	PERKARA	NAMA PROGRAM
			9. Sarjana Muda Pengurusan Industri Halal (Kepujian) 10. Diploma Seni Pastrri 11. Sarjana Muda Kesihatan dan Kecergasan 12. Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Kepujian) Teknologi Hortikultur 13. Diploma Akuakultur 14. Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Perkhidmatan Makanan dengan Keusahawanan 15. Sarjana Muda Sains Perniagaantani (Kepujian) 16. Sarjana Muda Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan (Kepujian)
3.	1	Program yang telah ditolak oleh MQA (nama program tidak sama seperti yang didaftarkan di KPT)	1. Sarjana Sains (Perubatan)
4.	3	Semakan Kurikulum Melebihi 30% Perubahan	1. Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) Kejuruteraan Sistem Pintar 2. Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) Pengkomputeran Perniagaan 3. Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) Komunikasi Data dan Perangkaan
5.	2	Pertambahan lokasi dalam proses ke JPT oleh pihak	1. Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) 2. Diploma Muamalat
6.	2	Program Memenuhi Keperluan Kualiti (CQC) oleh MQA	1. Sarjana Sains Rekabentuk Ruang Bandar 2. Sarjana Muda Pentadbiran Alam Sekitar (Kepujian)

BIL	BIL. PROGRAM	PERKARA	NAMA PROGRAM
7.	1	Dikenal pasti sebagai Program Profesional oleh MQA	1. Sarjana Muda Pengurusan Hartanah (Kepujian)
8.	1	Tidak diberi akreditasi sementara oleh Mesyuarat JKPPP Ke-21 Bil. 7/2019	1. Sarjana Sains Kejuruteraan Instrumentasi dan Kawalan
9.	4	Akreditasi Semula tidak perlu dibawa ke MQA	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sarjana Pengurusan Perniagaan 2. Sarjana Kewangan dan Perbankan Islam 3. Doktor Pentadbiran Perniagaan 4. Doktor Falsafah Pengurusan Perniagaan

Lampiran 2 – Jadual Penilaian Luar Kitaran 4 (2019)

BIL	PUSAT TANGGUNGJAWAB	TARIKH	
1.	UiTM Cawangan Pahang	4/3/2019	6/3/2019
2.	Institut Pendidikan Neo (iNED)	11/3/2019	14/3/2019
3.	Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi	11/3/2019	13/3/2019
4.	Fakulti Filem, Teater dan Animasi	18/3/2019	20/3/2019
5.	Fakulti Sains Komputer dan Matematik	18/3/2019	20/3/2019
6.	Fakulti Sains Gunaan	1/4/2019	3/4/2019
7.	Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi	8/4/2019	10/4/2019
8.	Fakulti Undang-undang	15/4/2019	17/4/2019
9.	Fakulti Perladangan dan Agroteknologi	22/4/2019	24/4/2019

Lampiran 3 – Senarai Lawatan/ Penandaarasan ke InQKA

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Lawatan Penanda Aras Dari Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti	9 Disember 2019
2.	<i>Visit of International Quality Assurance Officers (MQA Internship)</i>	28 Ogos 2019
3.	Lawatan Penandaarasan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti dan Alumni UTMSPACE, Kuala Lumpur	24 September 2019
4.	Lawatan Penandaarasan oleh Bahagian Jaminan Kualiti Akademik, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)	9 Disember 2019

BAB 7 INOVASI DAN KREATIVITI

InQKA bertanggungjawab sebagai koordinator utama atau sekretariat kepada UiTM bagi mengawal selia hal ehwal pengurusan dan pelaksanaan aktiviti inovasi dan kreativiti. Ini termasuk KIK di peringkat universiti, kebangsaan mahupun antarabangsa.

KIK Horizon Baharu telah mula digerakkan di UiTM seiring dengan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016, "Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif" yang telah dijadikan asas rujukan utama bagi memantapkan pembudayaan inovasi dan kreativiti di UiTM menerusi aktiviti-aktiviti KIK. Garis panduan ini memberi tumpuan kepada penciptaan nilai, penambahan nilai, pengurangan kos, perkhidmatan yang memenuhi aspirasi dan harapan rakyat serta berimpak tinggi seperti mana yang diharapkan oleh Kerajaan Malaysia.

BAB 7.1 PENCAPAIAN UTAMA KIK UiTM

Tahun 2019 menyaksikan KIK UiTM menyumbangkan pencapaian yang amat membanggakan. Kejayaan yang diperoleh melibatkan kumpulan IK yang telah diiktiraf di dalam dan luar negara. Pencapaian tersebut adalah seperti yang tersenarai di Jadual 7.1.1.

Jadual 7.1.1: Pencapaian KIK UiTM diperingkat nasional dan antarabangsa

KUMPULAN/STAF	PENCAPAIAN
Kumpulan RISING STARS (Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam)	<ul style="list-style-type: none">• Terbaik Keseluruhan KIK Universiti Awam Kali Ke-15 2019, 19-21 Ogos 2019, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).• Johan Kategori Pengurusan KIK Universiti Awam Kali Ke-15 2019, 19-21 Ogos 2019, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
Kumpulan IM-Vative (UiTM Cawangan Kelantan)	<ul style="list-style-type: none">• Anugerah Emas dan Anugerah Revolusi Industri 4.0 di Konvensyen <i>Mini Team Excellence</i> Wilayah Timur (RTE_x) 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 31 Julai hingga 1 Ogos 2019.• <i>Silver Award</i> di <i>International Convention on Quality Control Circles (ICQCC)</i> 2019, Tokyo, Jepun, 23 - 26 September 2019

KUMPULAN/STAF	PENCAPAIAN
	<ul style="list-style-type: none"> ● Anugerah Emas dan Anugerah Revolusi Industri 4.0 di Konvensyen <i>Mini Team Excellence</i> Wilayah Timur (RTE_x) 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 31 Julai hingga 1 Ogos 2019. ● <i>Silver Award</i> di <i>International Convention on Quality Control Circles (ICQCC)</i> 2019, Tokyo, Jepun, 23 - 26 September 2019 ● Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Persekutuan, <i>Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC)</i> 2019, 5 - November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di <i>Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC)</i>, Malaysia.
<p>Kumpulan NSJ VENTURES (UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan Majlis Perbandaran Port Dickson)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Anugerah Emas di Konvensyen <i>Mini Team Excellence</i> Wilayah Selatan (RTE_x) 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 23 April 2019. <p>Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri, <i>Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC)</i> 2019, 5 - 7 November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di <i>Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC)</i>, Malaysia.
<p>Kumpulan EZYFSKM JESSELTON (UiTM Cawangan Sabah)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Anugerah <i>The Most Promising Circle</i> dan Anugerah Emas di Konvensyen <i>Mini Team Excellent (MTeX)</i> Wilayah Sabah 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 23 April 2019.

KUMPULAN/STAF	PENCAPAIAN
	<ul style="list-style-type: none"> ● Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri, <i>Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2019</i>, 5 - 7 November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di <i>Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC)</i>, Malaysia
<p>Kumpulan TIARAS (Fakulti Perubatan, UiTM Cawangan Selangor Kampus Sg. Buloh)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Anugerah Emas di Konvensyen <i>Mini Team Excellence</i> Wilayah Selatan (RTE_x) 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 23 April 2019. ● Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri, <i>Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2019</i>, 5 - 7 November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di <i>Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC)</i>, Malaysia
<p>Kumpulan KOLEJEN (Unit Kolej, UiTM Cawangan Sarawak)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Anugerah Emas di Konvensyen <i>Mini Team Excellence</i> Wilayah Sarawak dan Sabah (RTE_x) 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 24 – 25 Julai 2019. ● Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Persekutuan, <i>Annual Productivity & Innovation Conference And Exposition (APIC) 2019</i>, 5 – 7 November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di <i>Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC)</i>, Malaysia.

KUMPULAN/STAF	PENCAPAIAN
<ul style="list-style-type: none"> ● Kumpulan I DIMENSI (UiTM Cawangan Kelantan) ● Kumpulan FITRAH (UiTM Cawangan Kelantan) 	<ul style="list-style-type: none"> ● Anugerah Emas di Konvensyen <i>Mini Team Excellence</i> Wilayah Timur (RTE_x) 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 31 Julai hingga 1 Ogos 2019.
Kumpulan ZENSHIN (Pusat Kesihatan, UiTM Shah Alam)	<ul style="list-style-type: none"> ● Anugerah Emas di Konvensyen <i>Mini Team Excellence</i> Wilayah Selatan (RTE_x) 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 23 April 2019.
Kumpulan SHINE (Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam)	<ul style="list-style-type: none"> ● Anugerah Emas di Konvensyen <i>Mini Team Excellence</i> Wilayah Tengah (RTE_x) 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 23 April 2019.
Kumpulan SMOKE BUSTERS (Fakulti Perubatan, UiTM Cawangan Selangor Kampus Sg. Buloh)	<ul style="list-style-type: none"> ● Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri, <i>Annual Productivity & Innovation Conference And Exposition (APIC) 2019</i>, 5 – 7 November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) di <i>Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC)</i>, Malaysia.
Kumpulan I-CLIQUE (Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam)	<ul style="list-style-type: none"> ● <i>Gold Award (3 Stars)</i> di <i>APQO International ACE Team Awards Competition (Stars Award) 2019</i>, <i>The Stones Hotel</i>, Bali, Indonesia.

BAB 7.2 JURNAL INOVASI MALAYSIA (JURIM)

Tahun 2019 menyaksikan penerbitan baharu InQKA iaitu Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM). JURIM adalah sebuah jurnal inovasi yang komited terhadap percambahan ide kreatif dan inovatif melalui projek-projek yang telah dipertandingkan di Konvensyen KIK ataupun mana-mana pertandingan inovasi sama ada dalam mahupun luar negara. Jurnal ini menerbitkan hasil inovasi bagi bidang sosial, inovasi pengurusan serta inovasi pengajaran dan pembelajaran. Jurnal ini diterbitkan sebanyak dua (2) kali setahun. Pada tahun 2019, Edisi 02, Isu 02 untuk Mei 2019 telah diterbitkan manakala Edisi 03, Isu 01 untuk November 2019 adalah dalam proses suntingan.

BAB 7.3 KIK Peringkat IPTA

Sebanyak tiga (3) kumpulan IK telah terpilih untuk mewakili UiTM ke Konvensyen KIK peringkat Universiti Awam 2019. Kumpulan-kumpulan ini merupakan antara kumpulan IK terbaik yang telah berjaya dalam Konvensyen KIK peringkat UiTM tahun 2018. Berikut merupakan pencapaian kumpulan yang bertanding:

Jadual 7.3.1: Pencapaian KIK UiTM di Konvensyen KIK Peringkat Universiti Awam 2019

KUMPULAN	KAMPUS	PENARAFAN
RISING STARS	Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam	Emas
AKAL	UiTM Cawangan Perlis	Emas
ACRe	UiTM Cawangan Perak	Emas

BAB 7.4 Konvensyen KIK Peringkat Zon UiTM

Projek-projek KIK yang baharu dihasilkan pada tahun 2019 telah dipertandingkan diperingkat Zon.

Jadual 7.4.1: Jadual Penganjuran KIK Peringkat Zon UiTM

BIL	ZON	TARIKH	PENYELARAS	PTJ
1.	Selatan	28 - 29 Ogos 2019	Puan Nur Hidayatulshima Omar	UiTM Cawangan Melaka
2.	Utara	4 - 5 September 2019	Puan Anis Zafirah Azmi	UiTM Cawangan Perak
3.	Tengah	12 September 2019	Puan Noor Haslinda Muhamad Aluwi	Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Shah Alam
4.	Timur	18 - 19 September 2019	Encik Nik Hazlan Nik Hashim	UiTM Cawangan Pahang
5.	Sabah/ Sarawak	25 September 2019	Puan Nasrah Naharu	UiTM Cawangan Sabah
6.	Peringkat UiTM	5 - 7 November 2019	Puan Azura Mamat/ Puan Norizan	UiTM Cawangan Terengganu

BAB 7.5 Konvensyen KIK Peringkat UiTM

Konvensyen KIK Peringkat UiTM tahun 2019 telah diadakan pada 5 hingga 7 November 2019 di Hotel UiTM Dungun, Terengganu dan dianjurkan oleh UiTM Cawangan Terengganu. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) dan disertai oleh 19 kumpulan IK terdiri daripada peserta peringkat Zon (Zon Utara, Selatan, Timur, Tengah, Sabah dan Sarawak) yang berkelayakan dan dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan (Pakar Rujuk UiTM).

Seiring dengan pengenalan KIK Horizon Baharu dan penekanan UiTM dalam penglibatan di dalam Revolusi Industri 4.0, maka tema 'IR 4.0 Memacu Kelestarian Inovasi' telah diangkat bagi menjayakan Konvensyen KIK kali ini.

Jadual 7.5.1: Senarai Penarafan Konvensyen KIK Peringkat UiTM

BIL	KUMPULAN	PUSAT TANGGUNGJAWAB	KATEGORI	PENARAFAN	PRODUK INOVASI
1.	IM-VATIVE	UiTM Cawangan Kelantan	PRIMER	Emas	University mentoring for undergraduates & post graduate mentee system (umum)
2.	i-FLASH	Jabatan Komunikasi, UiTM Shah Alam	PRIMER	Emas	Multifunctional Easel (MFE)
3.	CivTEX	UiTM Cawangan Pahang	PRIMER	Emas	Program pelarasan penilaian pencapaian (markah) kerja kursus pelajar (Pro3PMP)
4.	ERA	PTAR, UiTM Shah Alam	PRIMER	Emas	e-KELAS kemahiran maklumat
5.	INSPIRE	UiTM Cawangan Terengganu	PRIMER	Emas	e-MEGA PRO
6.	AKAL	UiTM Cawangan Perlis	PRIMER	Emas	GALAH AUTO-C
7.	ILHAM	UiTM Cawangan Kedah	PRIMER	Emas	SMid BOARD

BIL	KUMPULAN	PUSAT TANGGUNGJAWAB	KATEGORI	PENARAFAN	PRODUK INOVASI
8.	TEGUH	UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam	PRIMER	Emas	Sistem e-CLEARANCE
9.	VOTEX	UiTM Cawangan Perak	PRIMER	Emas	Sistem e-NILAIAN
10.	TRIGONA FPAVENGERS	UiTM Cawangan Sabah	PRIMER	Emas	Meli-LURE ECO KIT
11.	AVICENNA	UiTM Cawangan Selangor, Kampus Sg. Buloh	PRIMER	Emas	A comprehensive interactive life sciences module & kit
12.	NAVIGATOR	UiTM Cawangan Johor	PRIMER	Perak	Online staff outpost management system (OSOMS)
13.	AL-MAHABBAH	UiTM Cawangan Negeri Sembilan	HIBRID	Perak	Produk TAS-KIT
14.	U-KeKwa SYNERGY	UiTM Cawangan Kelantan dan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	HIBRID	Perak	Modul meningkat pendapatan PPWK
15.	PHOENIX	UiTM Cawangan Pulau Pinang	PRIMER	Perak	Promosi Profesional Proaktif Kit (PRO'KIT)
16.	E-BEST	UiTM Cawangan Perak	PRIMER	Perak	EZ- BIND
17.	BFIT	UiTM Cawangan Kedah	PRIMER	Perak	Socket Outlet with Access control (SOWAC)

BIL	KUMPULAN	PUSAT TANGGUNGJAWAB	KATEGORI	PENARAFAN	PRODUK INOVASI
18.	KENYALANG G13	UiTM Cawangan Sarawak	PRIMER	Perak	Saman e-SRD
19.	KINOMULOK	UiTM Cawangan Sabah	PRIMER	Emas	Sistem e-SRK

Jadual 7.5.2: Keputusan Konvensyen KIK Peringkat UiTM

BIL	ANUGERAH	PEMENANG
1.	Johan	i-FLASH
2.	Naib Johan	AKAL
3.	Tempat Ketiga	IM-VATIVE
4.	Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif Berpotensi	AVICENNA
5.	Anugerah Penjimatan Kos Sebenar Terbaik	INSPIRE
6.	Anugerah Penjanaan Pendapatan Sebenar Terbaik	AKAL
7.	Anugerah Kumpulan Istiqamah	TEGUH
8.	Anugerah Fasilitator Terbaik	Ts. MOHD. ZAFIAN BIN MOHD ZAWAWI
9.	Anugerah Dokumentasi Terbaik	VORTEX
10.	Anugerah Persembahan Terbaik	IM-VATIVE
11.	Anugerah Pembentang Lelaki Terbaik	Wan Zukri Bin Wan Abdullah
12.	Anugerah Pembentang Wanita Terbaik	Nurul Nisha Binti Mohd Shah
13.	Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi Sosial	AKAL
14.	Anugerah KIK PRIMER Terbaik Bidang Inovasi Sosial (Kategori Penciptaan)	AKAL
15.	Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi Pengurusan	i-FLASH

BIL	ANUGERAH	PEMENANG
16.	Anugerah KIK PRIMER Terbaik Bidang Inovasi Pengurusan (Kategori Penciptaan)	i-FLASH
17.	Anugerah KIK PRIMER Terbaik Bidang Inovasi Pengurusan (Kategori Penambahbaikan)	IM-VATIVE
18.	Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi P & P	CivTEX
19.	Anugerah KIK PRIMER Terbaik Bidang Inovasi P & P (Kategori Penciptaan)	CivTEX
20.	Anugerah KIK PRIMER Terbaik Bidang Inovasi P & P (Kategori Penambahbaikan)	VORTEX
21.	Anugerah Sosial HIBRID	U-KeKWA SYNERGY

BAB 8 PENILAIAN KECEMERLANGAN

Peningkatan sebanyak 147% dalam penyertaan berbanding dengan bilangan penyertaan pada tahun 2006 (17 PTJ). Ini menunjukkan pembudayaan dan penghayatan amalan kualiti dikalangan warga UiTM semakin mantap. Ringkasnya penglibatan dalam anugerah ini bukan hanya untuk memenangi anugerah semata-mata tetapi menunjukkan penambahbaikan pengurusan dari masa ke semasa dan secara menyeluruh yang berterusan. Skop bidang tumpuan masih dikekalkan seperti berikut:

Jadual 8.1: Bidang Tumpuan Bagi Pelaporan AKNC 2019

BIL	SKOP
1.	Pengajaran & Pembelajaran
2.	Penyelidikan & Penerbitan & Pengkomersilan
3.	Jaringan Industri & Keusahawanan
4.	Jaringan Alumni Komuniti & Kesukarelawan
5.	Penyampaian Perkhidmatan
6.	Pengurusan & Pembangunan Staf
7.	Pengurusan & Pembangunan Pelajar
8.	Pengurusan Kewangan
9.	Pengurusan Fasiliti & Teknologi

Penambahbaikan AKNC 2019 melibatkan pertambahan bilangan finalis mengikut kategori iaitu; fakulti, kampus dan bahagian.

Jadual 8.2: Bilangan Finalis 2019

Bilangan Finalis 2019		
Fakulti	7	Jumlah PTJ yang menjadi finalis - 14 PTJ
Kampus	4	
Jabatan/Bahagian/Unit	3	

BAB 8.1 Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2019

Sejajar dengan hasrat UiTM meletakkan keutamaan kepada pengurusan berkualiti, Anugerah Kualiti Naib Canselor telah diperkenalkan semenjak tahun 1992 lagi sebagai memberi penghargaan kepada kampus negeri/ fakulti/ bahagian dan unit yang berjaya mempamerkan ciri-ciri perkhidmatan berkualiti tinggi dan menepati kriteria pengukuran pengurusan berkualiti. Sebanyak RM99,390.00 telah diperuntukkan oleh pihak pengurusan UiTM bagi menjayakan anugerah AKNC pada tahun ini.

AKNC 2019 telah disertai oleh 42 Pusat Tanggung Jawab (PTJ). Sesi penilaian laporan AKNC telah dilaksanakan secara bersepadu oleh panel penilai yang terlatih pada 3 hingga 6 September 2019. Keputusan penilaian ini kemudiannya dibentangkan kepada Naib Canselor UiTM bagi memutuskan PTJ yang akan ke sesi pembentangan akhir finalis AKNC 2019. Pembentangan akhir finalis AKNC 2019 telah diadakan pada 22 Oktober 2010 dengan dipengerusikan oleh Naib Canselor UiTM sendiri. Keputusan AKNC 2019 merupakan keputusan dari kedua-dua penilaian tersebut.

Penyampaian Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) telah diadakan di Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UiTM pada 14 November 2019, (Khamis) di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam. Majlis gilang gemilang ini telah dijayakan oleh Fakulti Sains Gunaan sebagai penganjur pada tahun ini yang bertemakan "Sains dan Teknologi Pemangkin Inovasi Global". Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UiTM 2019 ini bukan sahaja menganugerahkan perkhidmatan cemerlang kepada kakitangan UiTM malah mengumumkan juga beberapa anugerah seperti Anugerah Pentadbir Cemerlang, Anugerah Pemacu Global, Anugerah Integriti Universiti, Anugerah Kolej Cemerlang. serta tidak ketinggalan Anugerah yang dinanti-nantikan iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2019.

AKNC juga merupakan satu anugerah yang mengiktiraf pengurusan yang serius dalam membudayakan kualiti di dalam pengurusan masing-masing. Penganugerahan AKNC tahun ini berdasarkan kepada bidang tumpuan, mengikut kriteria, pembentangan terbaik, kategori Kampus Negeri, kategori Fakulti, kategori Bahagian/Pusat/Unit dan seterusnya juara keseluruhan.

Senarai pemenang AKNC 2019 adalah seperti berikut:

Jadual 8.1.1: Keputusan AKNC 2019

PEMENANG *Tahniah* ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR 2019

JUARA KESELURUHAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

KATEGORI	JUARA	NAIB JUARA	TEMPAT KETIGA
KATEGORI KAMPUS CAWANGAN	UTM Cawangan SELANGOR	UTM Cawangan PERAK	UTM Cawangan KEDAH
KATEGORI BAHAGIAN/UNIT/PUSAT	PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK	PEJABAT PENDAFTAR	BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR
KATEGORI FAKULTI	Fakulti PERAKAUNAN	Fakulti KOMUNIKASI DAN PENGAJIAN MEDIA	Fakulti KEJURUTERAAN AWAM

Logos: Institut Teknologi MARA, Institut Kualiti dan Pengembangan Diri, BULAN NOVASI 2019



Gambar 8.1.1: Pemenang AKNC 2019 Kategori Bahagian/Unit



Gambar 8.1.2: Pemenang AKNC 2019 Kategori Kampus Negeri



Gambar 8.1.3: Pemenang AKNC 2019 Kategori Fakulti



Gambar 8.1.4: Juara Keseluruhan AKNC 2019

BAB 9 Penutup

InQKA mempunyai 29 orang staf yang terdiri daripada seorang Penolong Naib Canselor, 4 orang Resident Reviewer, 2 orang Pengarah, 5 orang Ketua, 2 orang Koordinator dan 19 orang Staf Pentadbiran. Semua pengurusan aktiviti yang telah dirancang pada akhir tahun 2018 dilaksanakan dengan berpandukan kepada Kalendar Aktiviti InQKA 2019.

Kalendar Aktiviti InQKA merupakan arahan kerja kepada semua staf InQKA dan membolehkan mereka bertindak dengan proaktif dalam memastikan kejayaan sesuatu aktiviti yang dirancang. InQKA telah turut mengamalkan perkongsian Doa Pagi oleh Penolong Naib Canselor InQKA melalui aplikasi WhatsApp yang bertujuan untuk memupuk nilai-nilai murni di kalangan warga InQKA. Ini diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaan program-program yang mengukuhkan semangat keserakanan di kalangan warga InQKA seperti program Majlis Berbuka Puasa, Majlis Khatam Al-Quran, Majlis Jamuan Hari Raya, Majlis Sambutan Hari Kelahiran Staf dan Program Perancangan Strategik InQKA.

Secara keseluruhan tahun 2019, InQKA berjaya menguruskan bajet dengan baik (perbelanjaan hampir 100% daripada bajet yang diperuntukan) dalam melaksanakan 157 aktiviti yang dirancang dengan purata tahap kepuasan keseluruhan program anjuran InQKA pada 95%. Kesemua aktiviti InQKA adalah inisiatif yang terbit atau boleh dipetakan kepada sebelas agenda RMK11 UiTM dan teras pada Pelan Perancangan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi).





Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2, 40450, Shah Alam, Selangor
Tel: +603 5543 5702 Fax: +603 5543 5721
<http://inqka.uitm.edu.my/>